

# Sebarang pembangunan perlu rujuk kementerian

**Georgetown:** Berkuat kuasa serta merta, setiap pengambilan dan pembangunan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di seluruh negara perlu dirujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ini kerana 86,000 hektar kawasan HSK yang sudah diambil bagi tujuan pembangunan sejak 1960-an gagal diganti sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan Persekutuan.

Menteri Sumber Asli dan Alam

Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata mengikut Seksyen 11 Akta Perhutanan 1984, kerajaan dibenar mengambil dan membangunkan HSK tetapi Seksyen 12 akta sama mengarahkan ia perlu diganti.

## HSK tidak diganti

Beliau berkata, majoriti HSK diambil syarikat utiliti, Jabatan Kerja Raya dan kerajaan negeri bagi pembinaan infrastruktur asas termasuk empangan hidroelektrik.

“Saya memang sedih melihat banyak HSK negara dikeluarkan dari status gazet bagi tujuan pembangunan tanpa digantikan dengan kawasan lain seperti ditetapkan.

“Saya akan mengarahkan semua pembangunan hutan simpan kekal dan tanah kerajaan lain dirujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terlebih dahulu dan perkara ini akan dimaklumkan kepada Majlis Tanah Negara dengan segera,” katanya



Pihak kami meminta sedaya upaya semua pembangunan di kawasan HSK dielakkan”

**Wan Junaidi Tuanku Jaafar,**  
Menteri Sumber Asli  
dan Alam Sekitar

kepada BH, semalam.

Wan Junaidi berkata, isu itu turut dibincangkan ketika mesyuarat kementerianya baru-baru ini dan pihaknya meminta sedaya upaya semua pembangunan di kawasan HSK dielakkan.

## Komitmen Malaysia

“Kita sudah berbincang bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad agar tiada lagi tanah hutan simpan kekal diambil. Langkah ini bagi memastikan komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dipatuhi,” katanya.

Berikutan itu, beliau meminta semua pihak terutama kerajaan negeri mempertahankan HSK yang masih ada, termasuk kawasan tadahan hujan demi kepentingan masa hadapan.